

# UMNO perlu bina semula reputasi elak 'menang sorak, kampung tergadai'

- UMNO tidak boleh menolak dan menafikan terdapat ahli serta penyokong tidak selesa atau tidak bersetuju dengan gabungan bersama PH

- Kegagalan menonjolkan UMNO sebagai parti berprinsip akan menyebabkan persepsi rakyat lebih buruk, meningkatkan kebarangkalian parti itu rebah pada PRU akan datang

Oleh Dr Abdul Hadi Samsi  
bhrencana@bh.com.my

**Memasuki** tempoh 19 bulan Kerajaan Perpaduan terbentuk, hubungan antara gabungan parti di dalamnya kelihatan semakin serasi dan kurang konflik atau kontroversi dalaman.

Hubungan antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) yang terdapat UMNO di dalamnya tidak sering terganggu dengan isu besar, kecuali apabila ia membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Hubungan PH-BN amat baik jika dilihat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Ogos lalu, empat Pilihan Raya Kecil (PRK) di Parlimen Pulau dan Dewan

Undangan Negeri (DUN) Jeram, Johor dan DUN Pelangai, Pahang diikuti DUN Kuala Kubu Bharu, baru-baru ini.

Kerjasama ini dilihat akan diteruskan lagi dalam persediaan menjelang PRN Sabah berdasarkan kenyataan dikeluarkan Pengerusi BN merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mahukan kerjasama ini terus diperkukuhkan.

Namun, timbul juga persoalan apakah UMNO memang rela selamanya untuk terus bersama PH? Apakah strategi kerjasama ini dan persepsi ahli UMNO dalam gabungan ini. Ia bukan soal memperkecil keputusan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, tetapi ahli akar umbi mahu tahu status kerjasama politik ini.

Mereka mengakui kerjasama politik ini dilihat mampu membantu UMNO menarik semula sokongan rakyat, terutama penyokongnya dan mungkin menjadi sandaran penting untuk

mengelakkan jumlah kerusi hendak dimenangi pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) semakin berkurang.

Perkara ini tidak mustahil berlaku kerana melihat kepada beberapa siri PRK sebelum ini membuktikan kerjasama erat antara jentera parti gabungan semakin baik sehingga meraih kemenangan agak bergaya.

Keadaan seterusnya pula merujuk kepada apakah strategi UMNO untuk bertanding lebih banyak kerusi pada PRU akan datang. Hal ini kerana ada pimpinan parti mempersoalkan bagaimana hendak menentukan kerusi bakal ditandingi parti pada pilihan raya akan datang.

Pada masa sama, penerimaan ahli tegar UMNO terhadap kerjasama politik PH-BN diakui masih berdepan kekusaran tidak ketara. UMNO menyedari hal ini, tidak boleh menolak dan menafikan ahli dan penyokongnya masih tidak selesa gabungan ini, terutama membabitkan soal

“Kerjasama ini boleh menjadi peluang besar untuk mengukuhkan kembali UMNO, tetapi ia juga mempunyai risiko perlu diurus dengan berhati-hati supaya tidak kehilangan pengaruh politik mereka dalam Kerajaan Perpaduan”

dasar dan nilai tidak selari antara UMNO dan PH.

Berdasarkan perlembagaan parti, UMNO berjuang memelihara hak bangsa Melayu dan Bumiputera serta agama Islam. Reputasi dan identiti UMNO sebagai parti keramat membela orang Melayu dan Islam tidak boleh dilunturkan.

## Dasar PH, UMNO berbeza

Prinsip ini dilihat jelas terdapat perbezaan dengan dasar PH yang lebih terbuka, memperjuangkan hak sama rata antara kaum di Malaysia. Oleh itu UMNO perlu memastikan kerjasama ini tidak menjejaskan identiti dan matlamat asal parti sekiranya berhasrat untuk terus kekal bekerjasama dengan PH dan diterima rakyat.

Kegagalan menonjolkan UMNO sebagai parti berprinsip akan menyebabkan persepsi rakyat kepada UMNO lebih buruk, seterusnya meningkatkan kebarangkalian UMNO untuk terus rebah pada PRU akan datang sekiranya lambat membina reputasi dan identiti semula.

Sementara itu, wujud juga beberapa kumpulan dalam UMNO dan BN yang mempunyai pandangan berbeza terhadap kerjasama dengan PH. MCA dan MIC misalnya menunjukkan isyarat mereka tidak selesa dengan gabungan itu dan sudah menyatakan hasrat untuk meninggalkan BN sekiranya UMNO memilih untuk terus kekal bekerjasama dengan PH.

Konflik antara komponen BN ini perlu dipandang serius kerana akan menyebabkan strategi politik dimainkan UMNO, bakal membawa padah serta menanti rebah sekiranya gabungan parti ini berpecah-belah.

Dalam hal ini, nasib UMNO apabila bekerjasama dengan PH sangat bergantung kepada bagaimana mereka menguruskan hubungan ini, berkomunikasi dengan penyokong mereka dan mengekalkan identiti serta prinsip asas perjuangan parti.

Kerjasama ini boleh menjadi peluang besar untuk mengukuhkan kembali UMNO, tetapi ia juga mempunyai risiko perlu diurus dengan berhati-hati supaya tidak kehilangan pengaruh politik mereka dalam Kerajaan Perpaduan.

Apatah lagi, sebelum ini Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyatakan jumlah pengundi tegar parti itu tidak bertambah dan semakin mengecil, walaupun berlaku pertambahan pengundi baharu hampir setiap enam bulan.

UMNO harus memainkan peranan signifikan dalam gabungan itu dan tidak hanya menjadi sekutu lemah. Perumpamaan 'menang sorak kampung tergadai' perlu diselami dan dihayati UMNO bagi memastikan segala tindakan dan keputusan dibuat tidak mendatangkan mudarat kepada parti keramat orang Melayu itu.

Tugas berat UMNO buat masa ini adalah perlu berusaha keras untuk memastikan penyokong mereka memahami dan menerima keperluan kerjasama dilakukan, terutama selepas kekalahan teruk UMNO pada PRU15.

UMNO perlu bertindak pantas memberi penerangan jelas dan rasional kepada penyokongnya, terutama akar umbi mengapa mereka perlu memilih bergabung bersama PH berbanding parti lain.



Felo Pengajar Sains Politik, Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu

